



SOALAN-SOALAN LAZIM

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN PASPORT
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
PUTRAJAYA**

(DIKEMASKINI PADA 16 OCTOBER 2020)

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)

**SECURITY AND PASSPORT DIVISION
IMMIGRATION DEPARTMENT OF
MALAYSIA (JIM) PUTRAJAYA**

(AS OF ON 16TH OCTOBER 2020)

1. Adakah saya boleh membuat permohonan baharu atau gantian Pasport Malaysia Antarabangsa(PMA)?

Ya, semua warganegara Malaysia boleh memohon PMA mengikut syarat - syarat biasa sepertimana sebelum penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Syarat seperti kemukakan bukti bekerja / pelajar di luar negara serta mempunyai pas jangka panjang di negara ketiga tidak diperlukan lagi.

Walau bagaimanapun syarat untuk perjalanan keluar negara tertakluk kepada arahan semasa kerajaan.

Can I make a new application/ renewal of Malaysian International Passport now?

Yes, all Malaysians can apply for Malaysian Passport according to standard requirements (as before the Movement Control Order - MCO).

Long Term Pass holders, Employment Pass holders, overseas Student Pass holders are no longer required to show proof of respective documents

Not with standing, overseas travels is subjected to the current rules.

2. Adakah saya perlu membuat temujanji terlebih dahulu sebelum hadir ke Jabatan Imigresen?

Ya. Permohonan yang dibuat di Pejabat Imigresen Pusat Transformasi Bandar (UTC) perlu membuat temujanji terlebih dahulu melalui Aplikasi Sistem Temujanji Online (STO) <http://sto.imi.gov.my> (sila rujuk masa beroperasi UTC di laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia).

Walaupun bagaimanapun pemohon yang berurusan di Bahagian Keselamatan Dan Pasport, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia Putrajaya, tidak perlu membuat temujanji. Pemohon boleh terus hadir untuk urusan permohonan passport.

Do I need to make an appointment before going to the Immigration Department for Malaysian Passport related transactions?

Yes. All transactions at Urban Transformation Center (UTC) are by online appointment only through <http://sto.imi.gov.my>. (Kindly refer to immigration website for UTC operational hours).

No appointments are needed for any transactions at Security and Passport Division, Immigration Putrajaya.

3. Adakah Jabatan Imigresen Malaysia membuat pengesahan pas untuk tujuan perkahwinan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Ya, pengesahan pas hanya dilaksanakan untuk Pas Lawatan Sosial yang mana tempoh pas masih sah laku

Does the Immigration Department of Malaysia verify Pass for marriage purposes during the Movement Control Order period?

Yes, however this is only applicable for valid Social Visit Passes.

4. Adakah pengesahan Pas Lawatan Sosial yang telah tamat tempoh boleh dilaksanakan?

Tidak, bagi Pas Lawatan Sosial yang telah tamat tempoh pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Bahagian Visa, Pas dan Permit/Bahagian Operasi, Siasatan dan Pendakwaan terlebih dahulu.

Can I verify my expired Social Visit Pass?

For expired Social Visit Pass, you are advised to refer to Visa, Pass and Permit Division/Operation, Investigation and Prosecution Division.

5. Adakah pemohon yang dikeluarkan pas khas dibenarkan membuat pengesahan pas?

Ya, hanya Pas Khas (kecuali *making arrangement to leave the country*) yang dikeluarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Bahagian yang berkaitan.

Are holders of Special Pass allowed to make verification of pass?

Yes, however this is only for Special Passes (except for making arrangement to leave the country) issued during the Movement Control Order period.

6. Adakah permohonan pengesahan pergerakan boleh dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Ya, permohonan pengesahan pergerakan diterima seperti biasa dan dihantar kepada Pejabat Imigresen terdekat.

Can verification of movements be made during the Movement Control Order period?

Yes, verification of movement can be done as usual at the nearest Immigration Office.

- 7. Adakah saya boleh hadir untuk membuat permohonan lanjutan surat kemudahan isteri / suami kepada warganegara di Bahagian Keselamatan dan Pasport?**

Ya, tuan / puan boleh hadir ke Bahagian Keselamatan dan Pasport. Hanya permohonan lanjutan sahaja yang diproses.

Can I apply for an extension of Facility Letter for Wife/ Husband of citizen at the Security and Passport Division?

Yes, this can be done at the Division.

- 8. Adakah saya boleh berurusan melalui emel untuk lanjutan surat kemudahan?**

Ya boleh. Melalui email semakankhas@gmail.com. Segala surat menyurat akan disalurkan melalui email berkenaan.

May I apply for an extension of facility letter through email ?

Yes you may do so via semakankhas@gmail.com.

- 9. Bagaimanakah proses rayuan pekerja asing yang disenarai hitam boleh dibuat sepanjang tempoh PKPB ini?**

Tuan/Puan boleh menghantar permohonan melalui email ke semakankhas@gmail.com

How the application process for the blacklisted foreign workers be made throughout the MCO Period?

All the application can be submitted via email at semakankhas@gmail.com

- 10. Saya adalah pelajar yang belajar di luar negara. Adakah saya boleh ke luar negara untuk menyambung pelajaran dalam tempoh PKP? Adakah saya perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen?**

Ya boleh. Pelajar yang berhasrat untuk menyambung semula pelajaran adalah dibenarkan tanpa perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen. Mereka perlu menunjukkan pas pelajar atau lain-lain dokumen sokongan kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk.

I am a student studying abroad. May I travel overseas to continue my studies during Movement Control Order (MCO) period?

Yes you may. Students who wish to continue their studies abroad do not need to obtain approval from Immigration. However, they need to show their Student Pass/other supporting documents to the Immigration Officer at the entrypoint.

- 11. Keluar daripada negara bagi tujuan Belajar dan Bekerja:**

- a. Saya baru mendapat tawaran untuk belajar/bekerja di luar negara. Bolehkah saya keluar daripada negara?**

Boleh. Mereka yang mendapat tawaran belajar/bekerja juga dibenarkan. Mereka perlu mengemukakan surat tawaran belajar/bekerja daripada institusi berkenaan di luar negara kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk.

I just received an offer to study/employment overseas. Can I leave the country?

Yes. You need to show the Offer Letter from the Academic Institution/Employment Offer Letter to the Immigration Officer at the entrypoint.

- b. Saya baru mendapat tawaran untuk bekerja/belajar di luar negara. Bolehkah saya keluar daripada negara walaupun telah melakukan pergerakan keluar negara dalam tempoh PKP?**

Boleh. Mereka yang baru mendapat tawaran bekerja/belajar juga dibenarkan. Mereka perlu mengemukakan surat tawaran bekerja/belajar kepada pegawai Imigresen di pintu masuk tanpa surat kelulusan JIM.

I just received an offer to study/employment abroad. Can I leave the country even though I exited Malaysia during MCO?

Yes. You need to show the Offer Letter from the Academic Institution/Employment Offer Letter to the Immigration Officer at the entrypoint.

- 12. Saya adalah warganegara Malaysia yang pernah kembali ke Malaysia dalam tempoh PKP. Adakah saya boleh keluar semula ke luar negara dalam tempoh PKP?**

Boleh, dengan syarat mengemukakan dokumen pembuktian seperti pemegang Pemastautin Tetap / Pas Jangka Panjang / Permit Kerja / Pas Pelajar atau bukti pemastautin di luar negara.

I am a Malaysian who had returned to Malaysia during the MCO period. Can I leave the country again during MCO period?

Yes, provided that there is proof that you are a Permanent Resident/ Long Term Pass Holder/ Employment Pass Holder/ Student Pass holder or have proof of residing overseas.

- 13. Saya adalah warganegara yang akan keluar negara dalam tempoh PKP samaada untuk tujuan bekerja, belajar atau bermastautin di luar negara. Adakah saya boleh kembali semula ke Malaysia dalam tempoh PKP?**

Boleh.

I am a Malaysian who will be leaving the country during MCO period either for employment, studies or residing overseas. Can I return to Malaysia during this period?

Yes you can.

- 14. Bolehkah warganegara yang mempunyai keperluan ke luar negara bagi tujuan lain selain belajar, bekerja dan pemastautin tetap untuk keluar negara seperti menghadiri mesyuarat / seminar / pameran serta atas urusan perniagaan dan kecemasan.**

Mereka masih perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah

Imigresen untuk kelulusan melalui *My Travel Pass* <https://mtp.imi.gov.my>

Can Malaysian citizens leave the country for the purpose of attending meetings/seminars/exhibitions/business or emergency situations?

Malaysian citizen who want to leave the country for this purposes will have to submit an application to the Director General of Immigration Malaysia via *My Travel Pass* <https://mtp.imi.gov.my>

15. Saya adalah seorang pelaut warganegara Malaysia yang berulang alik dari Malaysia ke luar negara, adakah saya perlu memohon kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia?

Tidak perlu, dengan syarat mengemukakan bukti dan dokumen sokongan seperti buku pelaut, *Letter of Guarantee* (LG) atau surat dari majikan kepada pegawai imigresen di pintu masuk.

I am a Malaysian seaman who travels back and forth from Malaysia to overseas. Do I have to obtain approval from the Immigration Department of Malaysia?

No you don't have to, provided you produce evidence and supporting documents such as Seaman Book, *Letter of Guarantee* (LG) or Letter from the Employer at the point of entry.

16. Saya warganegara Malaysia yang telah mendapat kelulusan keluar Malaysia daripada Jabatan Imigresen Malaysia, adakah saya dibenarkan untuk keluar ke negara yang telah disekat?

Dibenarkan.

I am a Malaysian given approval to leave the country, am I allowed to travel to the countries in the banned list?

Yes.

17. Saya warganegara Malaysia yang mempunyai Pas Lawatan Jangka Panjang di negara yang disekat, adakah saya boleh kembali semula ke Malaysia?

Boleh.

I am a Malaysian holder of long term visit pass of a country in the banned list. Can I return to Malaysia?

Yes.

18. Negara manakah yang disekat kemasukan ke Malaysia?

Senarai terkini 23 negara yang DISEKAT KEMASUKAN adalah:

1. Amerika Syarikat
2. Brazil
3. India
4. Rusia
5. Peru
6. Colombia
7. Afrika Selatan
8. Mexico
9. Sepanyol
10. Argentina
11. Chile
12. Iran
13. United Kingdom
14. Bangladesh
15. Arab Saudi
16. Pakistan
17. Perancis
18. Turki
19. Itali
20. Jerman
21. Iraq
22. Filipina
23. Indonesia

Warganegara asing dari 23 negara ini disekat kemasukan termasuk warga asing lain yang bermastautin atau mempunyai Pas Lawatan Jangka Panjang di negara seperti di para 1 hingga 23.

Hanya kategori yang BOLEH MASUK ke Malaysia dari negara yang tersenarai ini:

- i. Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan;
- ii. Anak kapal yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on*. *Letter Of Guarantee* (LG), Buku Pelaut (*Seaman Book*) perlu dikemukakan sebagai pembuktian di pintu masuk;

- iii. Juruterbang dan Kru Penerbangan (*Flight Attendance*) komersial atau *private jet* yang masuk sebagai kru atau penumpang dengan syarat mengemukakan *General Declaration* untuk operasi penerbangan seterusnya; dan
- iv. Kru dan Pekerja Profesional di dalam industri petroliam (*Oil and Gas*) yang telah mempunyai pas dan diberi kelulusan masuk oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Which are the countries banned from entering Malaysia?

Latest list of 23 countries banned from entering Malaysia:

1. United States of America
2. Brazil
3. India
4. Russia
5. Peru
6. Colombia
7. South Africa
8. Mexico
9. Spain
10. Argentina
11. Chile
12. Iran
13. United Kingdom
14. Bangladesh
15. Saudi Arabia
16. Pakistan
17. France
18. Turkey
19. Italy
20. German
21. Iraq
22. Philippines
23. Indonesia

The entry restriction also applies to any foreigners whom are permanent resident or holder of long term visit pass from the above mention countries (1-23)

Only the following categories from the banned countries are permitted to enter Malaysia as follows:

- i. Eligible Diplomat under the exemption order and their dependents.
- ii. Incoming crew for the purpose sign-on. They must produce Letter of Guarantee (LG) and Seaman Book at the entry point.

- iii. Pilot and Flight attendance commercial or private jet who enter as crew or passenger and must declare General Declaration for the onward destination.
- iv. Crew and professional employee of Oil and Gas who has in possession entry approval from the Director General of Immigration Malaysia

19. Adakah warganegara asing (dari Negara yang tidak disekat) boleh masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP?

Berikut adalah kategori yang boleh masuk ke Malaysia, tanpa perlu memohon kelulusan Jabatan Imigresen

- i. Pemastautin Tetap Malaysia (PR);
- ii. Isteri / suami / anak kepada warganegara yang mempunyai Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang isteri/suami/ anak kepada warganegara yang masih sah laku;
- iii. Diplomat;
- iv. Pas Penggajian (Kategori I);
- v. Pas Residen – Talent (RP-T);
- vi. Pas Tanggungan kepada kategori (iii hingga v);
- vii. Pembantu rumah kepada kategori (iv dan v);
- viii. Pelaut untuk tujuan *sign on* (dengan menunjukkan bukti seperti buku pelaut, *Letter of Guarantee(LG) / Letter of invitation*)
- ix. *Pilot dan Flight Attendance (commercial flight & private jet)* dengan syarat mengemukakan *General Declaration* untuk operasi penerbangan seterusnya.

Bagi kategori yang selain daripada di atas, mereka perlu mengemukakan permohonan masuk untuk kelulusan Jabatan Imigresen. Semua kategori warga asing seperti yang di atas yang telah keluar dari Malaysia dalam tempoh PKP tidak dibenarkan masuk semula kecuali dengan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia.

Can foreigners from non-restricted countries enter Malaysia during MCO Period?

The following categories of non-restricted countries are allowed to enter Malaysia without obtaining approval from the Department Of Immigration Malaysia:

- i. Permanent Resident of Malaysia (PR)
- ii. Wife/Husband/Child of Malaysian, whom are holder of a valid Long Term Social Visit Pass
- iii. Diplomat;
- iv. Employment Pass Holder (Category 1);
- v. Resident Pass Holder- Talent (RP-T);
- vi. Dependent Pass Holder for the category of (iii till v);
- vii. Foreign Domestic Helper for the category of (iv and v);
- viii. Seaman for the purpose of sign on (by showing proof of Seaman Book, Letter of Guarantee (LG) / Letter of Invitation.
- ix. Pilot and Flight attendance commercial or private jet who enter as crew or passenger and must declare General Declaration for the onward destination

Regardless, any foreigners under these categories who have travelled out of the country during MCO period are not allowed to enter Malaysia without prior approval from the Immigration Department.

Apart from the categories mentioned above, other applicants must apply for entry approval from the Immigration Department of Malaysia.

20. Saya adalah warganegara Malaysia yang ingin mengiring anak ke luar Negara untuk menyambung pengajian atau baru mendapat tawaran belajar. Adakah saya perlu memohon kelulusan untuk keluar Negara?

Tidak perlu. Pengiring dibenarkan untuk keluar Negara tetapi terhad kepada 2 orang sahaja dan perlu membuktikan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pegawai imigresen semasa hendak keluar.

I am Malaysian and I want to accompany my child for his/her further studies abroad. Do I need to obtain an approval to leave the country?

No, the accompanying person is allowed to leave the country but restricted to two person and must show proof of relevant documents at the exit point

